

Praktis 23 Pengimbuhan Kata Adjektif

(a) Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberikan dengan menambahkan imbuhan ter- atau se-.

tinggi	buruk	muda	panjang
pandai	rendah	indah	masyhur

- 1 Pantai Cahaya Bulan _____ Pantai Teluk Cempedak.
- 2 Sungai Rajang ialah sungai yang _____ di Malaysia.
- 3 _____ apa-apa pun kita, jangan sesekali sombong dan bangga diri.
- 4 Tahap pendidikan Ikmal tidak _____ adiknya yang memiliki ijazah.
- 5 Penyanyi _____ itu telah mengharumkan nama negara di mata dunia.
- 6 Dari segi umur, Hafiz merupakan peserta _____ dalam pertandingan itu.
- 7 Setiap kali berbaris, Anis akan berdiri di hadapan kerana dia yang _____.
- 8 Keadaan ekonomi negara kita tidaklah _____ keadaan ekonomi negara jiran.

(b) Gariskan kata adjektif berimbuhan dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Mereka meraikan majlis itu dengan penuh gemilang.
- 2 Syahira tidak berani naik ke pentas kerana dia berdarah gemuruh.
- 3 Ibu menyapu krim pada kulit adik yang gelembung akibat terkena air panas.
- 4 Pakaian Musliha agak kearaban kerana ibunya berasal dari negara Timur Tengah.
- 5 Pak Hasan mengeluh kerana semua pokok lada yang ditanamnya menjadi kemetot.
- 6 Encik Sulaiman sentiasa menasihati anaknya supaya meninggalkan gaya hidup yang kebaratan.

Kata Ganda

NOTA CERDIK

KATA GANDA PENUH

Kata Ganda Penuh (Tunggal)

- 1 Kata ganda seluruh terbentuk daripada proses penggandaan penuh kata dasar.
- 2 Kata yang digandakan sepenuhnya diberi tanda sempang (-).
- 3 Kata ganda penuh boleh terdiri daripada pelbagai kelas kata, seperti berikut:
 - (a) Kata nama. Contoh: ayam-ayam, murid-murid
 - (b) Kata kerja. Contoh: baring-aring, duduk-duduk
 - (c) Kata adjektif. Contoh: besar-besar, manis-manis
 - (d) Kata ganti tanya. Contoh: apa-apa
 - (e) Kata keterangan. Contoh: bukan-bukan
- 4 Kata ganda penuh membawa maksud seperti berikut:
 - (a) Jamak atau banyak. Contoh: sayur-sayur, pensel-pensel
 - (b) Tunggal atau satu. Contoh: undang-undang, anai-anai
 - (c) Menyerupai sesuatu. Contoh: kuda-kuda, siku-siku